

Diaspora Malaysia perlu berfikiran terbuka - PM

Oleh HAFIZ SAIDINA

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Rakyat Malaysia di luar negara khususnya golongan profesional, diminta berfikiran terbuka agar tidak terperangkap dengan pemikiran lama dan sentiasa mencari peluang bagi memperkembangkan potensi diri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dunia hari ini menuntut perubahan

ke arah yang lebih positif serta menggalakkan setiap individu untuk berfikir dan mencari jalan terbaik demi kemajuan negara.

Beliau berkata, Malaysia tidak boleh terus kekal dalam keadaan lama yang dipenuhi keterlanjuran, kerakusan, dan penyelewengan sebaliknya harus sedar bahawa negara ini mempunyai potensi luar biasa untuk mencapai kejayaan.

“Bagi saya, mesej utama

adalah kalangan profesional atau pengusaha yang ramai di sini (di luar negara) mempunyai pendedahan di Malaysia atau di luar negara, apabila dah ke luar negara, jangan terperangkap seolah-olah duduk di bawah tempurung,” katanya.

Beliau berucap di hadapan kira-kira 300 tetamu pada Majlis Makan Malam bersama diaspora Malaysia sempena lawatan rasminya ke Bahrain, atas jem-

putan Sheikh Salman Hamad Al Khalifa.

Tambah Anwar, dunia sedang berlegar membicarakan mengenai masa depan kecerdasan buatan (AI) dan pelbagai cabaran lain.

“Kita ada kemungkinan untuk mempengaruhi perubahan, menerima perubahan yang diperlukan. Pilihan terbaik antara kita adalah mereka yang boleh berfikir lebih daripada itu,” katanya.